



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

KESUMA PACU PEKERJAAN BERKUALITI, GAJI LEBIH BAIK UNTUK RAKYAT SELARAS DAPATAN BANK DUNIA

PUTRAJAYA, 14 Mei 2026 – Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) mengambil maklum dapatan laporan Malaysia Economic Monitor April 2026 oleh Bank Dunia bertajuk *“Raising the Ceiling, Raising the Floor: The Jobs Agenda as a Productivity Agenda”* yang dilancarkan hari ini, menekankan bahawa agenda pekerjaan negara perlu dipacu oleh produktiviti, pembangunan bakat dan penciptaan pekerjaan berkualiti bagi memastikan Malaysia terus bergerak ke arah ekonomi berpendapatan tinggi.

Laporan tersebut menggariskan bahawa cabaran utama Malaysia hari ini bukan lagi sekadar mewujudkan pekerjaan, tetapi memastikan pekerjaan yang diwujudkan benar-benar sepadan dengan kemahiran, produktif dan mampu meningkatkan pendapatan rakyat. Laporan itu turut menekankan bahawa pelaburan dalam kecerdasan buatan (AI), digitalisasi dan sektor bernilai tinggi perlu disokong oleh ekosistem kemahiran yang lebih responsif kepada permintaan industri, termasuk Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), pembelajaran sepanjang hayat dan penggunaan maklumat pasaran buruh secara lebih strategik.

Menteri Sumber Manusia, YB Dato’ Sri Ramanan Ramakrishnan, berkata bahawa dapatan laporan ini selari dengan komitmen KESUMA untuk memastikan agenda pekerjaan negara bergerak ke arah penciptaan pekerjaan berkualiti yang dipacu oleh kemahiran, produktiviti dan padanan pasaran buruh yang lebih baik.

“Laporan Bank Dunia ini mengiktiraf bahawa pembangunan bakat, kesiapsiagaan AI dan penggunaan maklumat pasaran buruh yang tepat memainkan peranan penting dalam memastikan Malaysia mampu membina tenaga kerja yang lebih berdaya saing dan bersedia menghadapi perubahan ekonomi serta teknologi.

“Sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-13, KESUMA melalui TalentCorp terus memperkukuh ekosistem MyMahir termasuk Future Skills Talent Council (FSTC), penggunaan data Critical Occupations List (MyCOL) serta pelaksanaan AI Readiness Index (AIRI) bagi memastikan pembangunan kemahiran negara lebih selari dengan keperluan semasa dan masa hadapan industri,” katanya.

Laporan Bank Dunia tersebut turut mengiktiraf kepentingan inisiatif seperti MyMahir FSTC, platform MyMahir dan penggunaan maklumat pasaran buruh seperti MyCOL dalam membantu Malaysia membina ekosistem kemahiran yang lebih responsif dan dipacu permintaan industri.

Sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh bakat masa depan negara, KESUMA juga bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memberi pendedahan awal kepada pelajar sekolah mengenai laluan kerjaya masa depan termasuk TVET, Sains, Teknologi Kejuruteraan dan Matematik (STEM), digital, AI dan sektor berkemahiran tinggi agar pelajar dapat membuat pilihan pendidikan dan kerjaya yang lebih bermaklumat sebelum memasuki pasaran kerja.

“KESUMA akan terus bekerjasama merentas kementerian bersama agensi di bawahnya serta rakan strategik industri bagi memastikan pembangunan kemahiran, latihan dan intervensi bakat dilaksanakan secara lebih berfokus, responsif dan berpaksikan hasil.

“Ini termasuk usaha meningkatkan padanan pekerjaan menerusi MyFutureJobs, memperkukuh kebolehpasaran bakat tempatan serta membantu lebih ramai rakyat Malaysia mengakses pekerjaan bernilai tinggi dan berpendapatan lebih baik,” tambah beliau.

Pada masa sama, jabatan dan agensi di bawah KESUMA terus memainkan peranan penting dalam memperkukuh standard perburuhan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, hubungan perusahaan, TVET dan pembangunan bakat teknikal negara. Ini termasuk pensijilan, pasaran buruh, penempatan pekerjaan, peningkatan gaji, perlindungan sosial dan sokongan kepada pekerja yang terkesan oleh perubahan teknologi serta ketidaktentuan struktur ekonomi, sekali gus mengurangkan ketidakpadanan kemahiran dan memperkasa rakyat Malaysia untuk pekerjaan berproduktiviti tinggi.

Sejajar dengan semangat Pekerja MADANI Kesuma Bangsa, KESUMA komited untuk memastikan pertumbuhan ekonomi dan peningkatan produktiviti negara diterjemahkan kepada pekerjaan yang lebih baik, gaji yang lebih bermakna dan peluang masa depan yang lebih adil untuk seluruh rakyat Malaysia.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

14 MEI 2026

LAMPIRAN

LATAR BELAKANG KESUMA

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab terhadap pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	